



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MADANI DI AKAR UMBI: INISIATIF KAMPUNG ANGKAT MADANI J-KOM MANFAATKAN PENDUDUK KAMPUNG SUNGAI MATI, MATANG, PERAK

Matang, Perak, 13 Disember 2025 – Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) melalui inisiatif dan agenda Kerajaan MADANI telah melancarkan Kampung Angkat MADANI di Kampung Sungai Mati, Matang, Perak.

Majlis perluncuran telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah J-KOM, YBhg. Dato' Ismail bin Yusop, dengan kehadiran kira-kira 800 orang terdiri daripada komuniti setempat, agensi pelaksana Kampung Angkat MADANI dan rakan-rakan strategik.

Penglibatan pelbagai kementerian dan agensi dilihat dapat membantu memenuhi keperluan sebuah kampung melalui komunikasi secara langsung dengan penduduk kampung selaras dengan aspirasi YAB Perdana Menteri dalam memperkukuh nilai **Ihsan** demi memperkasa pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar. Inisiatif ini turut melibatkan kerjasama strategik antara Pejabat Tanah dan Daerah Larut, Matang dan Selama selaku agensi pelaksana dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) sebagai Penyelaras bagi menjayakan pelaksanaan Kampung Angkat ini.

Melalui inisiatif ini, J-KOM telah mengenalpasti **tujuh projek fizikal** dan telah dapat diisipkan dalam tempoh dan tahun semasa. Projek-projek tersebut adalah:

- Kerja penyelenggaraan jalan di Kampung Sungai Mati;
- Kerja penyelenggaraan jalan di Tanah Perkuburan Islam Simpang, Mukim Matang;
- Kerja membina longkang dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung 20, Sungai Mati;
- Kerja membekal dan memasang lampu solar di Kawasan Kampung Sungai Mati;
- Kerja penyelenggaraan serta menaiktaraf surau dan dewan Kampung Sungai Mati;
- Kerja-kerja menaik taraf ruang niaga di kawasan Kampung Sungai Mati; dan
- Kerja membina tembok mercu tanda dan papan tanda di Kampung Sungai Mati.

Selain daripada majlis peluncuran tersebut, penduduk Kampung Sungai Mati dan orang ramai yang hadir turut menikmati pelbagai pengisian menarik seperti **Jualan Rahmah, penukaran minyak hitam percuma untuk 100 motosikal, perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), saringan kesihatan percuma, pameran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Taklimat Internet Selamat oleh Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI)** dan pelbagai aktiviti bermanfaat lain.

J-KOM berharap inisiatif Kampung Angkat MADANI ini dapat memastikan manfaat kerajaan sampai terus kepada rakyat melalui pelaksanaan projek infrastruktur dan pembangunan fizikal yang lebih cepat dan telus. Pendekatan ini mampu mengurangkan birokrasi yang sebelum ini melambatkan proses kelulusan pembangunan di peringkat kampung.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)